

28 JUN 1996

SELANGOR BENARKAN SEMULA M.NASIR BUAT PERSEMBAHAN

SHAH ALAM, 28 Jun (Bernama) -- Penyanyi M. Nasir dibenarkan semula mengadakan persembahan di Selangor berikutan keputusan Kementerian Penerangan menamatkan larangan penyiaran karya-karyanya mulai 1 Julai ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dan Pelancongan Negeri, Datuk Abdul Fatah Iskandar berkata penyanyi itu boleh mengadakan persembahannya dengan bersyarat terutamanya menghormati pemimpin negara.

"Dia juga mestilah menjaga kata-katanya di samping mematuhi etika penampilan diri ketika membuat persembahan," katanya kepada pemberita di sini hari ini ketika diminta mengulas keputusan kerajaan menamatkan larangan itu.

Bagaimanapun Abdul Fatah berharap kejadian yang menimpa penyanyi dari Singapura itu akan sentiasa dijadikan ingatan bukan saja oleh M. Nasir tetapi juga artis-artis lain.

"Menghormati pemimpin merupakan satu budaya kita dan artis juga perlu menghormati dan mengamalkannya," katanya.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Sulaiman Mohamed pada 15 Jun lepas mengumumkan bahawa semua karya M. Nasir termasuk yang dinyanyikan artis lain digam kerana artis itu dilaporkan menghina Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan berkata "Siapa Mahathir?". -- BERNAMA

MNY NAK